

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

KAWASAN : MARANG

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah perkembangan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak:

**(a) berapakah kos pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak;
dan**

**(b) siapakah kontraktor yang mendapat tender projek tersebut
dan bagaimanakah proses pemilihan tender dilakukan.**

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak melibatkan skop membina dan menaik taraf jalan sepanjang 1,090km. Ia melibatkan gabungan menaik taraf jalan sedia ada – iaitu dianggarkan 85% daripada jarak keseluruhan – dan 15% lagi melibatkan pembinaan jalan yang baharu.

Projek ini akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan laluan dari Telok Melano – Sematan – Kuching – Serian – Sibu – Bintulu – Miri. Manakala fasa kedua pula melibatkan laluan di bahagian Limbang dan Lawas yang akan dimulakan pada tahun 2018. Fasa pertama telah dimulakan pada 31 Mac 2015 yang lalu melibatkan jajaran dari Persimpangan Jalan Nyabau ke Persimpangan Jalan Bakun sepanjang 43km dengan harga kontrak sebanyak RM638 juta. Manakala projek kedua pula melibatkan laluan dari Telok Melano ke Sematan sepanjang 33km telah dilancarkan pada 1 September 2015 lalu dengan harga kontrak sebanyak RM580 juta. Manakala segmen-segmen lain untuk fasa pertama sedang dalam peringkat proses tender pra-kelayakan ('pre-qualification') dan akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak ini dilaksanakan melalui kaedah rakan pelaksana projek atau 'project delivery partner' (PDP), iaitu sebagaimana model

pelaksanaan projek MRT. Sehubungan itu, Kerajaan telah melantik syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBUSB) sebagai rakan pelaksana projek ini untuk mengurus dan memastikan ia dapat disiapkan mengikut kos dan tempoh masa yang ditetapkan Kerajaan. Manakala lantikan kontraktor untuk pakej-pakej pembinaan pula akan dibuat secara proses tender. Pembiayaan projek ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Danalnfra Nasional Berhad, iaitu anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Kos keseluruhan projek ini masih belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada reka bentuk terperinci dan juga kos sebenar setelah pakej-pakej pembinaan projek ini ditender.

Keseluruhan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak ini akan mengambil tempoh 8 tahun untuk disiapkan, iaitu dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2023.

Sekian. Terima kasih.